

PPTI UMP serah sumbangan pasca banjir sempena Kempen `1 Makmum 1 Sejadah'



Kuantan, 7 April- Bencana banjir yang melanda beberapa negeri di Pantai Timur khususnya di negeri Pahang dianggap sebagai yang terbesar berbanding pada tahun 1971. Bencana yang melanda pada penghujung tahun 2014 yang lalu telah memusnahkan sebahagian besar kawasan terutama di pesisir sungai seperti di Daerah Pekan, Maran dan Temerloh.

Menyedari akan tanggungjawab sosial serta sebagai warga Malaysia yang prihatin, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PPTI) telah melancarkan kempen "1 Makmum, 1 Sejadah" bagi membantu mangsa-mangsa banjir.

Kempen yang bermula sejak pertengahan bulan Januari lalu mendapat sokongan yang cukup memberangsangkan terutamanya daripada Badan Kebajikan Staf Universiti (BKSU) serta melalui sumbangan daripada pihak luar sama ada berkumpulan mahupun individu dengan nilai sumbangan yang terkumpul sebanyak RM 4,500.

Justeru itu, baru-baru ini berlangsungnya majlis penyerahan hasil sumbangan berupa keperluan solat seperti sejadah, kain sembahyang, naskah Yaasin dan pelbagai keperluan lain. Majlis menyaksikan acara penyampaian sumbangan disampaikan Pemangku Presiden PPTI, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais kepada Ketua Sektor Pendidikan Islam, Yazit Kechik yang diadakan di Surau Al-Falah, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPN).



Menurut Mohd Raizalhilmy, kempen yang dijalankan pihak PPTI ini merupakan salah satu usaha persatuan untuk membantu bagi meringankan mangsa-mangsa banjir khususnya di sekolah-sekolah yang dilanda banjir dan diharapkan sumbangan ini dapat disalurkan kepada pihak yang memerlukan di seluruh negeri Pahang.

"Kerjasama dan sokongan yang diterima daripada JPN dalam menjayakan kempen ini juga merupakan satu inisiatif yang positif bagi mewujudkan hubungan kerjasama strategik antara UMP dan JPN pada masa akan datang," katanya.

Turut hadir sama dalam majlis ialah Ketua Penolong Pengarah, Hj. Ishak Othman, Pen. Pengarah GPI Menengah, Mohamed Danial Abu Samah, Pen. Pengarah Bantuan Institusi Pendidikan Agama, Khosenulhan Ab. Rahman dan Pen. Pengarah Pengurusan Syiar Islam, Wan Mohd Asri Wan Abdullah.

Manakala delegasi UMP terdiri daripada Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman, Timbalan Pendaftar merangkap Ketua Inisiatif Kempen 1 Makmum 1 Sejadah, Zainuddin Mat Husin, Jawatankuasa Eksekutif PPTI, Al-Muhaimin Ali dan Setiausaha Agung Jawatankuasa Eksekutif PPTI, Juliana Mohd Ali.

Berita dan gambar disediakan oleh Pn. Juliana Mohd. Ali, Setiausaha Agung PPTI UMP dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 08-04-2015, 17:06:41